

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

RGW 121 - Sains Alam Sekitar

Tarikh: 12 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Apakah sampah sarap (solid wastes)? Bincangkan punca sampah sarap ini serta kaedah pembuangannya.

(20 markah)
2. Takrifkan Hakisan Tanah. Bincangkan masalah-masalah yang timbul akibat dari pengembangan perumahan ke atas alam sekitar. Apakah tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kesan-kesan ini?

(20 markah)
3. Dunia kini menggunakan sumber tenaga fosilnya dengan pesat sekali. Tulis nota-nota dengan lanjut atas EMPAT penggantian sumber tenaga dari segi potensinya, kaedah menjanakusakan tenaganya dan masalah yang timbul:-
 - (a) Tenaga Angin
 - (b) Tenaga Suria
 - (c) Biogas
 - (d) Kuasa Hidroelektrik
 - (e) Tenaga Geotermal

(20 markah)

4. Huraikan proses-proses yang terlibat di dalam pemprosesan primer dan sekunder loji pengolahan kumbahan. Bincangkan ujian-ujian yang mesti dijalankan untuk mengkaji kualiti air.

(20 markah)

5. Tulis sebuah esei atas "Kesan atas Kitar Biogeokimia akibat dari aktiviti-aktiviti manusia".

(20 markah)

6. Tulis nota-nota atas:-

- (a) Polutan bioterurai & polutan biotakterurai.
- (b) Keimbangan dalam ekosistem
- (c) Rantaian makanan dan jaringan makanan
- (d) Pencemaran udara yang berzarah dan dari ASBUT

(20 markah)

-ooo00ooo-